

# Puteri UMNO sambut baik keputusan MT

KOTA KINABALU 3 Nov. - Naib Ketua Puteri UMNO, Rosnah Abdul Rashid Shirlin (**gambar**) berkata, keputusan Majlis Tertinggi UMNO semalam untuk tidak mengambil tindakan disiplin terhadap Tun Dr. Mahathir Mohamad yang sering mengkritik kerajaan, menunjukkan parti masih menghormati bekas perdana menteri itu sebagai seorang yang banyak berjasa kepada negara.

Beliau berkata, dengan keputusan itu, Puteri UMNO berharap Dr. Mahathir akan

berhenti membidas kerajaan dan kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Jika Dr. Mahathir berniat baik, beliau sepatutnya bersama-sama dengan kerajaan dan kepimpinan yang ada sekarang untuk memastikan negara kita berjaya, terutama sekali dalam proses untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Kesembilan," katanya.

Mesyuarat MT UMNO semalam juga membuat keputusan bahawa kedudukan

Dr. Mahathir dalam agensi dan syarikat milik kerajaan termasuk sebagai Penasihat Petronas akan dikekalkan.

Pergerakan Pemuda UMNO Sabah juga memuji keputusan MT itu kerana menganggagap ia boleh meredakan keadaan.

Ketuanya, Datuk Japlin Akim berkata, Pemuda UMNO Sabah berharap Dr. Mahathir menggunakan saluran yang betul untuk mengemukakan pandangan atau rasa tidak puas hatinya.

**- Bernama**